

KPU tumpu pembangunan usahawan di Sabah

KOTA KINABALU: Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) akan memberi penekanan kepada pembangunan usahawan Bumiputera di Sabah dan Sarawak supaya mereka tidak jauh ketinggalan dengan rakan-rakan di negeri-negeri lain, kata menterianya Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

"Saya tekankan Sabah dan Sarawak, kita perlu lakukan lebih...mereka ketinggalan jauh dibelakang," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara kementeriannya dengan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini kelmarin.

Mohamed Nazri berkata beliau telah mengarahkan kementeriannya supaya di bawah program latihan yang dianjurkan, peserta-peserta hendaklah dipilih berdasarkan kuota 50 peratus untuk Bumiputera Islam dan 50 peratus Bumiputera bukan Islam.

Kementerian Pembangunan Usahawan akan menyediakan pelbagai kemudahan serta platform yang diperlukan bagi membangun dan menayakan program mewujudkan usahawan Bumiputera yang berkualiti dan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera, katanya.

Beliau juga berkata usaha SEDCO dalam membangunkan usahawan, secara tidak langsung membantu kerajaan mengurangkan kadar pengangguran di kalangan Bumiputera kerana apabila mereka menjadi usahawan kelak, mereka akan menjana peluang pekerjaan untuk orang lain. - Bernama

